




Bolehkah memakai bulu mata palsu. Ikuti penjelasan dalam kapsul BH TV Jom Tanya Ustaz.

BH IBRAH

Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan janganlah mereka menzahirkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya." (An-Nur: 31)



Khilaf mazhab bukan alasan tidak tutup aurat

• Rujuk ulama mahir mengisbatkan hukum, jangan berpandu logik semata-mata

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Tidak dinafikan terdapat perbezaan pandangan dalam perbincangan mengenai batas aurat bagi wanita. Fugaha melalui keempat-empat mazhab sepakat bahawa muka dan tapak tangan bukan aurat dan boleh didedahkan.

Bagaimanapun wujud khilaf apabila mazhab Hanafi turut meletakkan kaki sebagai anggota bukan aurat.

Namun, bagi Muslimah di tanah air yang beramal dengan mazhab Syafie, mereka wajib berpegang teguh kepada perintah kerana pandangan itu turut disepakati jumurhul ulama dalam mazhab Hambali serta Maliki.

Sayangnya, ada sesetengah pihak yang menjadikan perbezaan pandangan mazhab sebagai 'isu' untuk menolak atau

meringankan tuntutan menu tutup aurat mengikut kehendak atau nafsu duniau.

Ini mendorong kepada kecelaran dalam pemikiran wanita Islam yang akhirnya menafikan perintah Allah SWT dengan hujah bersandarkan akal dan logik semata-mata sedangkan ia bertentangan dengan sumber rujukan utama iaitu al-Quran dan hadis.

Pensyarah Kanan Ijazah al-Quran, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Sukki Othman, berkata keengganannya berpegang kepada mazhab dan sengaja mengambil mudah dalam soal menutup aurat hanya akan memberikan implikasi buruk terutama apabila ia menjadi fitnah kepada agama Islam serta ajarannya.

"Sedangkan perkara ini perlu dirujuk kepada ulama yang mahir dalam mengisbatkan hukum, usahalah berpandukan kepada logik semata-mata," kata dia.

"Ada wanita yang melihat tuntutan batas aurat wanita seakan menyusahkan, sedangkan bagi mereka yang mempunyai keimanan tinggi tidak pun melihat ia

sebagai satu masalah.

"Kurangnya iman menyebabkan ada yang mencari ruang untuk mempersoalkannya, bahkan sehingga ada golongan tertentu di Barat yang memfatwakan rambut bukan anggota aurat."

"Sedangkan perkara ini perlu dirujuk kepada ulama yang mahir dalam mengisbatkan hukum, usahalah berpandukan kepada logik semata-mata," kata dia.

"Fitnah kepada Islam dan ajarannya

Mohd Sukki berkata, walaupun di dalam al-Quran tidak menyebut secara khusus kewajipan menutup aurat kecuali muka dan tapak tangan, namun ia dipersetujui jumurhul ulama kerana mereka merujuk kepada tafsiran perawi hadis muktabar.

"Firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan janganlah mereka menzahirkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya." (An-Nur: 31)



Kurangnya iman menyebabkan ada yang mencari ruang untuk mempersoalkannya, bahkan sehingga ada golongan tertentu di Barat yang memfatwakan rambut bukan anggota aurat"

Dr Mohd Sukki Othman,
Pensyarah Kanan Ijazah
al-Quran UPM

san tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya." (An-Nur: 31)

"Mengikut tafsiran Ibnu Abbas, perkataan zahir itu merujuk kepada muka dan perlengan tangan.

"Maka, jumurhul ulama bersepakat dan bersetuju untuk menggunakan apakah lagi pandangan itu dikeluar oleh Ibnu Abbas iaitu sahabat Rasulullah SAW yang lebih memahami al-Quran," katanya.

Namun yang lebih penting untuk ditekankan adalah keperluan bagi setiap umat Islam berpegang kepada ilmu yang dipelajari sekali gus menjauhi amalan atau perbuatan mempermaining atau menolak hukum Allah SWT.

"Setiap umat Islam perlu sedar kewajipan menutup ilmu yang benar itu adalah penting dan kita juga dilarang mengamalkan perkara yang

Lihat Ms.62



Simbol maruah dan martabat wanita

→ Dari Ms.61

tidak dipelajari secara menyeluruh.

"Misalnya, sekiranya kita menetap di negara yang mengamalkan mazhab Syafie, tetapi kerana enggan menutup bahagian kaki maka dengan segera mendekahkannya dengan alasan mengikut mazhab Hanafi.

"Perkara ini dilarang ulama kerana ia dibuat atas dasar mahu mengambil mudah sedangkan mazhab ini adalah panduan untuk kita berpegang.

"Kecuali jika kita tinggal di tempat yang mengamalkan mazhab Hanafi dan kemudian mempelajari serta menguasai hukum dengan tepat, maka tidak ada masalah untuk berpegang kepada mazhab," katanya.

"Tambahan Mohd Sukki, pendapat yang mengatakan bahawa kaki wanita itu adalah aurat dikira lebih selamat, kerana ia pendapat majoriti ulama, bahkan adalah lebih baik mengambil sikap berhati-hati dan keluar daripada khilaf.

"Maka, tidak sah solat sekiranya seorang wanita itu bersolat dengan keadaan terdedah bahagian kakinya melainkan ditutup dengan kain yang labuh ataupun dengan memakai sarung kaki.

Hikmah di sebalik menutup aurat

Sementara itu, penulis dan pendakwah, Husna Hassan, berkata terdapat pelbagai hikmah di sebalik pegangan mazhab dalam menentukan batas aurat seseorang wanita yang mungkin tidak kita sedari.

"Sebagai contoh, muka dan tapak tangan antara anggota badan yang mempunyai fungsi penting. Muka kita membantu untuk dikenalpasti orang lain.

"Tangan pula digunakan melakukan pelbagai tugas dalam kehidupan sehari-hari.

"Tuntutan menutup aurat ini juga perlu disambut oleh golongan wanita dengan baik kerana ia simbol maruah dan martabat yang diletakkan di tempat begitu tinggi, justeru ia tidak seharusnya dilihat sebagai kongkongan atau sejenis bentuk penindasan."

"Beliau menambah, terdapat banyak bukti menunjukkan

Islam memuliakan golongan wanita sehingga dipelihara secara lebih terperinci berbanding kaum lelaki.

Sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "Wanita itu adalah aurat. Apabila wanita keluar dari rumahnya, maka syaitan mengikutnya." (HR Tirmizi)

Husna berkata, istimewanya kedudukan wanita sehingga aurat wanita itu dibahaskan ulama bukan hanya berbeza mengikut mazhab, bahkan dipengaruhi oleh situasi tertentu.

"Ada banyak perbezaan aurat bagi wanita antaranya di hadapan lelaki bukan mahram, ketika bersolat, bersendirian, di hadapan lelaki bukan mahram, bersama wanita Islam dan yang bukan beragama Islam.

"Sebagai contoh, wajib bagi wanita dalam solatnya dan ketika di hadapan lelaki bukan mahram menutup kecuali muka dan tapak tangan, manakala ketika bersendirian atau lelaki yang menjadi mahramnya cukup sekadar menutup daripada paras pusat hingga ke lutut.

"Bagaimanapun, kita digalakkan berpakaian lebih sopan kerana mengikut adat sekalipun, canggung sekiranya wanita misalnya tidak menutup bahagian badan seperti dada di hadapan ahli keluarga sendiri yang dikira mahram," katanya.

Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud: "Wahai anak Adam! Sesungguhnya Kami sudah menurunkan kepada kamu pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian takwa itulah yang sebaik-baiknya. Yang demikian itu adalah daripada tanda (kurnia) Allah supaya mereka beringat." (Al-Araf: 26)

"Setiap kali kita menutup aurat, apa yang perlu dipahatkan dalam hati adalah bukan fabrik yang dipakai tetapi sebenarnya kita sedang mengenakan pakaian takwa.

"Takwa ini adalah patuh kepada Allah SWT kerana takut, hormat dan sayang kepada-Nya. Elemen takwa ini perlu dimasukkan dalam falsafah berpakaian dan menutup aurat.

"Melaluinya, semoga setiap Muslimah konsisten menutup aurat, tanpa rasa terpaksa atau tersesak."

Tuntutan menutup aurat ini juga perlu disambut oleh golongan wanita dengan baik kerana ia simbol maruah dan martabat yang diletakkan di tempat begitu tinggi, justeru ia tidak seharusnya dilihat sebagai kongkongan atau sejenis bentuk penindasan"

Husna Hassan,
Penulis dan pendakwah

→ IBRAH

BATAS AURAT WANITA DI HADAPAN LELAKI AJNABI (ASING)

